

**KAJIAN KEPUASAN PEKERJA
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TEMPOH JULAI 2025 SEHINGGA DISEMBER 2025**

1. PENDAHULUAN

Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak melaksanakan Kajian Kepuasan Pekerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi mendapatkan maklumat tentang tahap kepuasan anggota penjawat awam yang bertugas di Pentadbiran ini. Hasil kajian akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak untuk rujukan pihak pentadbiran dan pengurusan tertinggi. Objektif kajian ini adalah untuk memastikan kepuasan pekerja di Pentadbiran ini berada di tahap optimum seterusnya menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak senantiasa berada di tahap yang terbaik.

2. SASARAN KAJIAN

Mencapai 97% tahap kepuasan pekerja.

3. PENCAPAIAN KAJIAN

Kategori Jawapan Keseluruhan Kaji Selidik	Peratus Pencapaian
Keseluruhan jawapan yang bertanda 'ya'	97.21%
Keseluruhan jawapan yang bertanda 'tidak'	2.79%

Hasil kajian mendapati bahawa tahap kepuasan pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhan adalah sebanyak **97.21% berpuas hati dan 2.79% tidak berpuas hati**. Data ini adalah meliputi hasil kaji selidik yang telah dilaksanakan oleh responden seramai **536 orang** anggota penjawat awam di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan.

4. RESPONDEN KAJIAN

Bil.	Bahagian / Jabatan	Jumlah Sasaran Responden	Jumlah Sebenar Responden	Peratus Sasaran Responden	% Memuaskan	% Tidak Memuaskan
1	Pejabat Setiausaha Kerajaan Perak	12	12	100%	92.05%	7.95%
2	Pejabat TSUK (M)	3	3	100%	100%	0%
3	Unit Perancang Ekonomi Negeri	51	51	100%	97.12%	2.88%
4	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	73	73	100%	98.09%	1.91%
5	Bahagian Pengurusan Maklumat	34	34	100%	97.77%	2.23%
6	Bahagian Khidmat Pengurusan	226	202	89.38%	96.40%	3.60%
7	Bahagian Korporat	31	31	100%	97.39%	2.61%
8	Bahagian Kerajaan Tempatan	39	37	94.87%	97.79%	2.21%

Bil.	Bahagian / Jabatan	Jumlah Sasaran Responden	Jumlah Sebenar Responden	Peratus Sasaran Responden	% Memuaskan	% Tidak Memuaskan
9	Bahagian Dewan Negeri & Majlis Mesyuarat Kerajaan	40	40	100%	99.87%	0.13%
10	Pejabat Menteri Besar	25	25	100%	98.40%	1.60%
11	Bahagian Audit Dalam	15	15	100%	96.98%	3.02%
12	Unit Integriti	13	13	100%	94.99%	5.01%
JUMLAH		562	536	95.37%	96.69%	3.31%

5. ANALISA KAJIAN

5.1 PENCAPAIAN MAKLUMBALAS BERDASARKAN SOALAN KAJIAN

Bil.	Soalan	Ya	Peratus (%)	Tidak	Peratus (%)
1	Saya menerima arahan yang jelas daripada penyelia saya.	516	96.30%	20	3.70%
2	Saya menerima maklumbalas mengenai prestasi kerja saya daripada penyelia.	509	95.00%	27	5.00%
3	Saya mendapat penyeliaan dan bimbingan daripada penyelia saya.	509	95.00%	27	5.00%
4	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan rakan sekerja di bahagian/pejabat SUK ini.	529	98.70%	7	1.30%
5	Saya mendapat kerjsama yang baik dengan kakitangan dari bahagian lain di dalam pejabat SUK.	530	98.90%	6	1.10%
6	Komunikasi antara warga di Bahagian saya bekerja amat memuaskan.	517	96.50%	19	3.50%
7	Kebajikan dan keselamatan saya di tempat kerja adalah terjamin.	528	98.50%	8	1.50%
8	Saya berpuas hati dengan kepimpinan dan pendekatan penyelia/ketua di dalam bahagian saya.	506	94.40%	30	5.60%
9	Saya mempunyai masa yang cukup untuk menyelesaikan tugas yang diberi mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan.	517	96.50%	19	3.50%

10	Saya berpuas hati dengan bebanan tugas yang diberikan kepada saya.	506	94.40%	30	5.60%
11	Saya merasakan tanggungjawab dan tugas saya menyumbang kepada pencapaian jabatan.	535	99.80%	1	0.20%
12	Saya diberi peluang untuk menghadapi cabaran baharu dan mengembangkan kemahiran saya.	527	98.30%	9	1.70%
13	Saya diberi peluang untuk menghadiri kursus/seminar untuk meningkatkan kemahiran saya.	531	99.10%	5	0.90%
14	Saya mempunyai ruang untuk sama-sama memberikan pendapat dan cadangan dalam membantu jabatan mencapai sasaran kerja yang ditetapkan.	518	96.60%	18	3.40%
15	Persekitaran tempat kerja saya berada dalam keadaan yang kondusif, selesa dan selamat.	523	97.60%	13	2.40%
16	Kemudahan prasarana dan logistik yang disediakan membantu melancarkan tugas saya.	531	99.10%	5	0.90%
17	Saya dibekalkan dengan peralatan dan sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dengan lebih berkesan.	520	97.00%	16	3.00%
18	Semangat bekerjasama dan bertoleransi sentiasa diamalkan di jabatan saya bekerja.	518	96.60%	18	3.40%
19	Persekitaran kerja yang harmoni wujud di jabatan saya bekerja.	519	96.80%	17	3.20%

20	Saya berasa selamat sepanjang saya melaksanakan tugas termasuk tugas rasmi di luar pejabat.	531	99.10%	5	0.90%
----	---	-----	--------	---	-------

6. ULASAN DAN CADANGAN OLEH RESPONDEN

Kajian yang dilaksanakan ini telah menerima beberapa ulasan dan pandangan daripada pihak responden seperti senarai berikut: -

BIL	ISU	PERKARA	BAHAGIAN
1	TADBIR URUS	Tukar W48 dan N32.	AUDIT
2	TADBIR URUS	Diugut untuk pemotongan markah LNPT dan tuntutan perjalanan jugak dipotong tanpa sebab.	AUDIT
3	TADBIR URUS	Perlunya lagi pegawai-pegawai lelaki memasuki dan berkhidmat di bahagian ini sebab bilangan pegawai terlalu sedikit dan tidak cukup sekiranya ada tugas luar dan urusan yang lain.	AUDIT
4	TADBIR URUS	Sistem internet dan telefon yang lebih bagus.	DUN & MMK
5	TADBIR URUS	Kerap menghadiri kursus dan bengkel secara bersama untuk lebih meningkatkan kerjasama antara rakan sekerja.	DUN & MMK
6	TADBIR URUS	Menambah baik parking motorsikal dan pemerksaan kemahiran semasa kepada pegawai.	DUN & MMK
7	TADBIR URUS	Kontrak ke tetap.	DUN & MMK
8	TADBIR URUS	Saya mempunyai kebolehan dalam IT dan suntingan video dimana kebolehan dan pengalaman saya ini boleh digunakan untuk membantu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.	DUN & MMK
9	TADBIR URUS	Menyemak semula keperluan bebanan kerja di unit yang mempunyai tugas yang banyak.	DUN & MMK
10	TADBIR URUS	Pembasmian kulat perlu dibuat secara berkala.	DUN & MMK

11	TADBIR URUS	Buat masa ini, masih ada masalah telefon pejabat di mana tidak dapat membuat panggilan keluar dan hal ini menyebabkan gerak kerja terganggu	DUN & MMK
12	TADBIR URUS	Menambahkan bilangan kakitangan bagi sesetengah unit.	KT
13	TADBIR URUS	Sediakan parking kereta bertingkat untuk keselesaan Bersama.	KT
14	TADBIR URUS	Pusingan kerja.	KT
15	TADBIR URUS	Belian baharu dengan kadar segera ke atas barangan rosak bagi melancarkan kerja harian.	KT
16	TADBIR URUS	Semak beban kerja dan sasaran kerja hendaklah berpandukan kemampuan bilangan di jabatan. Tidak meletak sasaran kerja yang tinggi tetapi kakitangan dikurangkan.	KT
17	TADBIR URUS	Perlu ada printer untuk setiap orang.	KT
18	TADBIR URUS	Keseimbangan antara kerja dan kehidupan.	BKP
19	TADBIR URUS	Boleh utarakan cuti 2 hari dalam seminggu jika mahu kurangkan OT bagi pembantu keselamatan.	BKP
20	TADBIR URUS	Saya mencadangkan papan kenyataan dapat diselenggara dengan lebih baik, seperti iklan-iklan atau info yang telah lama dibuang selepas satu tempoh masa.	BKP
21	TADBIR URUS	Meningkatkan kebajikan staf.	BKP
22	TADBIR URUS	Tambah parking kereta dan motorsikal, bina tempat sukan berbumbung.	BKP
23	TADBIR URUS	Upgrade kemudahan seiring dengan perkembangan dan teknologi terkini.	BKP
24	TADBIR URUS	Menyediakan kemudahan keluar masuk dan parking OKU serta pesara yang hendak berurusan dekat dengan lift (basement).	BKP
25	TADBIR URUS	Melibatkan kursus-kursus atau program yang dapat memupuk diantara bahagian-bahagian Pejabat SUK Perak.	BKP

26	TADBIR URUS	Pada pendapat saya, tugas luar perlu diberikan pada anggota keselamatan seperti hari bertemu pelanggan demi memantapkan disiplin, jati diri dan tanggungjawab dalam menjalankan tugas.	BKP
27	TADBIR URUS	Mewujudkan 1 team pemantauan disiplin pegawai dan staf dari segi etika pemakaian ditempat kerja.	BKP
28	TADBIR URUS	Kemudahan dan perkhidmatan di jabatan ini boleh dipertingkatkan melalui penyelenggaraan berterusan, penambahbaikan sistem sedia ada serta layanan kakitangan yang cekap dan mesra pelanggan.	BKP
29	TADBIR URUS	Mengadakan sukan dalam jabatan.	BKP
30	TADBIR URUS	Menggalakkan sikap bertanggungjawab, akauntabiliti, dan mengadakan program pembangunan kepimpinan peringkat staf sokongan & penyelia.	BKP
31	TADBIR URUS	Buka kedai makan banyak hingga habis waktu bekerja.	BKP
32	TADBIR URUS	Perlu lebih peka keadaan sebuah jabatan dari hanya sekadar memenuhi permintaan. Jabatan kami tidaklah besar, jadi perlu diuruskan dengan lebih baik dari segi tenaga kerja yang dikeluarkan, masa dan tahap keupayaan setiap individu. Kebajikan juga perlu dititik beratkan supaya kumpulan dapat bersaing secara sihat dan memberi peluang semua menimba pengalaman. Adakan perbincangan (post mortem) selepas tugas untuk penambahbaikan, persediaan show yang akan datang dan sebagainya. Jika tidak disusun jadual dengan betul keadaan individu yang ingin meminta cuti rehat, boleh berlaku ketidaksefahaman antara dua pihak. Terima kasih mendengar rintihan kami.	BKP
33	TADBIR URUS	Dikerah tenaga tanpa menilai kekuatan pasukan sebenar melalui fizikal dan mental. Pengurusan tidak bertindak bijak menilai keupayaan pasukan dahulu. Hanya mengutamakan kuantiti dari kualiti.	BKP
34	TADBIR URUS	Diadakan semula perhimpunan bulanan.	BKP
35	TADBIR	Sila pastikan makanan di kantin sedap dan	BKP

	URUS	menepati harga.	
36	TADBIR URUS	Pada pendapat saya, kemudahan dan perkhidmatan di jabatan ini boleh ditambah baik dengan memberi perhatian yang lebih kepada aspek kebajikan kakitangan, seperti memastikan kesejahteraan kerja, sokongan yang mencukupi ,memahami had kemampuan seseorang tanpa mementingkan diri serta persekitaran kerja yang kondusif. Kebajikan yang terjaga akan membantu meningkatkan motivasi dan kualiti perkhidmatan. Saya sedar bahawa pandangan ini mungkin tidak akan diambil perhatian. Tiada yang berani bersuara kerana tiada sokongan yang baik. Kami hanyalah satu kumpulan yang menjaga tanggungjawab masing masing demi kelangsungan hidup.	BKP
37	TADBIR URUS	Kebajikan di tempat kerja sangat tidak memuaskan, kesihatan kumpulan tidak diendahkan sehingga menyebabkan kan yang sakit kena bekerja seperti biasa, kualiti dalam sesuatu kerja tidak baik, tiada kesepakatan dalam kumpulan. hanya beberapa orang di layan seperti vip. Ugut mengugut menjadi kebiasaan sehingga kami idtak berani bersuara untuk menegakkan kebajikan. Ingin menyertai sesuatu pertandingan melibatkan suk perak pun di anggap remeh/ tidak memberi ruang untuk kami berlatih (suksem). Harap memahami masalah kami.	BKP
38	TADBIR URUS	Perbanyakkan berinteraksi secara positif dan tidak merendah rendahkan sesama pekerja dalam kumpulan. Hal ini dapat mengeratkan dan membuat pekerja lebih selesa dan bersemangat untuk melakukan tugas bersama kumpulan.	BKP
39	TADBIR URUS	Menyediakan kemudahan, prasarana dan teknologi terkini yg sentiasa berubah dari masa ke semasa.	BKP
40	TADBIR URUS	Mengurangkan beban tugas kerana jadual yang terlalu penuh dan padat setiap bulan. Sentiasa menitik beratkan soal “work and life balance” kerana perkara ini selalu di pandang ringan bagi setengah pihak. Selalu mengambil berat soal kesihatan mental pekerja supaya tidak berlaku masalah “burnout” di tempat kerja. Mengeluarkan	BKP

		arahan secara terang jelas dan nyata supaya tiada yang tercicir. Perbanyakkan aktiviti berkumpulan supaya tidak merasa jurang antara ketua dan ahli bahagian. Berlaku adil.	
41	TADBIR URUS	Semua peringkat penyelia perlu memberikan ruang masa diri sendiri untuk mengadap semua staff satu persatu demi menjaga sebuah institusi ke arah yang lebih baik untuk masa hadapan dan bukan nya terus mendengar dari mulut orang tentang diri kita.	BKP
42	TADBIR URUS	Terlalu menggunakan kuasa diri sendiri daripada perbincangan berkumpulan untuk masa hadapan.	BKP
43	TADBIR URUS	Mewujudkan lagi program atau aktiviti yang boleh melibatkan semua bahagian supaya pegawai-pegawai lebih aktif, cergas & produktif.	BKP
44	TADBIR URUS	Penugasan kerja hendaklah di bahagi sama rata oleh pegawai yang menyelia.	BKP
45	TADBIR URUS	Untuk kantin makin hari menu makin kurang menarik, tetapi layanan dari pihak kantin yang sekarang ini baik.	BKP
46	TADBIR URUS	Memperudahkan prosedur kerja yang tegar dan mengurangkan beban kawal selia yang tidak perlu.	BKP
47	TADBIR URUS	Menyediakan parkir kenderaan tertingkat.	BKP
48	TADBIR URUS	Selagi tiada parkir tambahan/bertingkat, mohon bagi kenderaan jabatan tidak parkir tempat parkir untuk kakitangan.	BKP
49	TADBIR URUS	Menambah perjawatan di Unit yang kritikal.	BKP
50	TADBIR URUS	Lebihkan senyuman tanpa mengira jawatan.	KORPORAT
51	TADBIR URUS	Terdapat individu yang masih merokok dalam kawasan perkarangan Bangunan Perak Darul Ridzuan. Terutamanya ketika sidang DUN berlangsung.	KORPORAT
52	TADBIR URUS	Serba sedikit kekurangan yang ada adalah lumrah bagi setiap tempat bekerja namun komunikasi yang baik amat diperlukan bagi memastikan kelancaran tugas dan arahan.	KORPORAT

53	TADBIR URUS	Penggunaan AI untuk tugas rutin seperti penyediaan minit mesyuarat,surat atau memo.	KORPORAT
54	TADBIR URUS	Kami memerlukan mikrowave.	KORPORAT
55	TADBIR URUS	Mohon sediakan ruang kerja yang lebih selamat, kondusif dan selesa bagi pekerja.	BPM
56	TADBIR URUS	Banyak kan aktiviti kerohanian untuk mengelakkan tekanan kerja berpanjangan.	BPM
57	TADBIR URUS	Harga makanan dan minuman di kantin pejabat ini perlu dikaji semula kerana terlalu mahal & tidak berpatutan.	BPM
58	TADBIR URUS	Mohon pegawai tambahan yang ada kepakaran.	BPM
59	TADBIR URUS	Menambah laluan beratap dari tempat meletak kereta ke bangunan.	BPM
60	TADBIR URUS	Diadakan banyak Program Gotong Royong.	BPM
61	TADBIR URUS	Cadangan yang diutarakan dalam MBJ diperingkat bawahan perlu disenaraikan untuk pengetahuan semua pihak samada penyampaian diterima atau ditolak. Ini kerana setiap aduan/cadangan yang diberikan ada kala tidak beroleh maklum balas/dibahaskan.	BPM
62	TADBIR URUS	Sikap pihak atasan yang tidak dijangka.	BPM
63	TADBIR URUS	Perbanyakkan parking berbumbung dan selaraskan aktiviti renovation pejabat dengan projek yang akan dilaksanakan.	BPM
64	TADBIR URUS	Hentikan sistem pilih kasih, pegawai perlu memberi layanan sama rata dan adil tanpa mengira pangkat.	BPM
65	TADBIR URUS	Bilangan unit tandas lelaki di bilik air berhampiran surau lelaki Aras G Bangunan Perak Darul Ridzuan di tambah berbanding hanya satu unit sekarang.	PSM
66	TADBIR URUS	Tolong adakan mesin ATM.	PSM
67	TADBIR	Pemantauan berkala terhadap aset-aset dan	PSM

	URUS	peralatan yang telah lama dan usang.	
68	TADBIR URUS	3 kali bahagian ini dipenuhi air dari tangki.	PSM
69	TADBIR URUS	Pengunaan teknologi amat membantu mempercepatkan proses kerja dan lebih memudahkan. Sebagai contoh penggunaan sistem, surat melalui email dan sebagainya.	PSM
70	TADBIR URUS	Diberikan latihan berkaitan Perkhidmatan.	PSM
71	TADBIR URUS	Sikap lebih terbuka antara Jawatan Pelaksana dan Jawatan Pengurusan Profesional amat diperlukan, Mohon diperusahakan.	PSM
72	TADBIR URUS	Sexual harassment banyak sangat.	PSM
73	TADBIR URUS	Menambahbaik kemudahan seperti mesin ATM & mesin layan diri yang lain.	PSM
74	TADBIR URUS	Kemudahan parkir bagi gred 5 perlu ditambahbaik utk menjimatkan masa kerana ada diantaranya selaku ketua unit yang selalu diarahkan mewakili ketua bahagian dalam menghadiri sesuatu mesyuarat.	PSM
75	TADBIR URUS	Adakan 'family day' bagi eratkan silaturahmi.	PEJ. SUK
76	TADBIR URUS	Penambahbaikan kemudahan asas seperti tempat letak kenderaan, ruang rehat serta kemudahan sokongan lain boleh diberi perhatian bagi meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan kakitangan.	PEJ. SUK
77	TADBIR URUS	Untuk menambah baik kemudahan dan perkhidmatan, tumpukan kepada peningkatan keselesaan tempat meletak kenderaan (kereta dan motosikal), tambah kemudahan ICT (WiFi, pembayaran digital), utamakan kebersihan & keselamatan, latih kakitangan lebih profesional, dan wujudkan sistem aduan & maklum balas yang efektif untuk mewujudkan pengalaman yang lebih mudah, cekap, dan mesra pengguna.	PEJ. SUK
78	TADBIR URUS	Lebih banyak anjurkan bengkel.	PEJ. SUK

79	TADBIR URUS	Kekalkan personaliti yang baik dan bekerjasama sesama staff.	PEJ. MB
80	TADBIR URUS	Aircond pada kaunter pejabat YAB MB Perak terlalu sejuk.	PEJ. MB
81	TADBIR URUS	Pusingan kerja perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepada setiap kakitangan.	PEJ. MB
82	TADBIR URUS	Kemudahan parkir, cafe yang lebih baik.	PEJ. MB
83	TADBIR URUS	Kaji semula keperluan parking pegawai khas exco.	PEJ. MB
84	TADBIR URUS	Menyediakan lebih banyak latihan terutamanya berasaskan IT kepada warga.	INTEGRITI
85	TADBIR URUS	Penambahbaikan sistem capaian dan kelajuan internet bagi memudahkan serta melancarkan mesyuarat di atas talian.	UPEN
86	TADBIR URUS	Tugasan menutup pejabat diserahkan kepada pengawal keselamatan.	UPEN
87	TADBIR URUS	Mohon dipertimbangkan kawasan parking yang lebih luas dan selamat. kalau boleh buat parking bertingkat sebab parking yang ada tidak cukup. Kadang-kadang kereta luar yang tidak ada sticker boleh masuk parking dalam SUK, yang ada sticker pula tiada tempat hendak parking di dalam SUK.	UPEN
88	TADBIR URUS	Membuat susunan jadual yang teratur dan selenggara perkara yang wajib diselenggara segera.	UPEN
89	TADBIR URUS	Susunan jadual tugas tidak teratur.	UPEN
90	TADBIR URUS	Pada pendapat saya perkara yang boleh dilakukan untuk menambahbaik kemudahan dan perkhidmatan di jabatan ini adalah dengan menyediakan lebih banyak kursus bagi meningkatkan kemahiran dan pemahaman pekerja.	UPEN
91	TADBIR URUS	Aircond Bilik Gerakan sejuk, perlu ada ruangan untuk kawalan suhu aircond supaya produktiviti mesyuarat tercapai.	UPEN

92	TADBIR URUS	Adakan bilik 'gym' di Bangunan SUK.	UPEN
93	TADBIR URUS	Diberi kan komputer riba untuk penjawat awam gred 5 dan KE ATAS untuk urusan mesyuarat dan penyediaan maklumat pembentangan sekiranya menggantikan pegawai yang tidak dapat hadir ke mesyuarat.	UPEN
94	TADBIR URUS	Pengisian jawatan kosong yang sekian lama tidak diisi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjaya menepati sasaran dalam tempoh yang ditetapkan dan mewujudkan suasana kerja yang sihat dan seimbang kepada pegawai.	UPEN
95	TADBIR URUS	KPI perlu jelas ditentukan di peringkat desk pegawai dan pemantauan perlu dilaksanakan berkala supaya sasaran dapat dicapai dan bebanan kerja dapat diagihkan dengan seadilnya.	UPEN

7. ANALISIS DATA

Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa tahap kepuasan pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak mencapai 97.21% tahap kepuasan pekerja. Walaubagaimanapun, terdapat sebanyak 2.79% tahap kepuasan yang tidak memuaskan.

Data menunjukkan tahap kepuasan pekerja mengikut soalan menunjukkan bahawa, Soalan 13, 16 dan 20 memperoleh peratusan pekerja yang menjawab 'YA' yang tertinggi berbanding soalan yang lain. Namun, terdapat soalan yang merekodkan jumlah 'TIDAK' yang tinggi contohnya Soalan 8 dan 10. Pekerja-pekerja di bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak kebanyakannya tidak bersetuju dengan kepimpinan dan pendekatan penyelia/ketua serta bebanan tugas yang diberikan.

Data menunjukkan kepuasan pekerja mengikut jabatan pula menunjukkan terdapat 1 bahagian yang mencapai 100% tahap kepuasan pekerja. Walaubagaimanapun, bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak mencatat tahap kepuasan terendah menjawab 'TIDAK' untuk kebanyakan soalan.

8. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencatatkan tahap kepuasan pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sebanyak **97.21 peratus (%)**. Daripada data yang diperolehi, merujuk kepada soalan kaji selidik, prestasi tahap kepuasan yang rendah iaitu sebanyak 94.40 peratus (%) adalah melibatkan soalan yang tidak bersetuju dengan kepimpinan dan pendekatan penyelia/ketua serta bebanan tugas yang diberikan. Sehubungan itu, adalah disarankan supaya pemakluman berhubung perkara ini dilaksanakan kepada semua anggota di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak bagi memastikan tahap kepuasan pekerja akan terus meningkat seterusnya memastikan sistem penyampaian perkhidmatan di Pentadbiran ini berada di tahap yang cemerlang.